

25/03/1997

Garis panduan kos teleperubatan dikaji

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan akan mengkaji kemungkinan mewujudkan garis panduan kos perkhidmatan teleperubatan bagi memastikan matlamat pelaksanaannya tercapai.

Selain memastikan rakyat mendapat perkhidmatan perubatan terkini pada kos yang berpatutan, langkah itu bertujuan meluaskan perkhidmatan itu tanpa menjejaskan kepentingan pihak terbabit dan nilai komersilnya.

Berikutan itu, Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan, Tan Sri Dr Abu Bakar Suleiman, berkata pihaknya akan meneliti pengalaman negara lain yang sudah menggunakan teknologi teleperubatan berkenaan seperti Australia dan Amerika Syarikat, terutama cara mereka mengenakan caj kepada pesakit.

"Isu caj adalah satu aspek yang perlu diberi perhatian serius. Dengan penggunaan teknologi dan peralatan canggih serta talian telefon sudah pasti ia membabitkan lebih kos.

"Semua perkara ini perlu diambil kira dalam menentukan kos. Kita akan membincangkan perkara ini dengan pihak yang memberi perkhidmatan, termasuk doktor dan pembekal teknologi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan unit rawatan harian Obstetrik serta Pusat Latihan Obstetrik dan Ginekologi Hospital Kuala Lumpur (HKL), di sini hari ini.

Dr Abu Bakar berkata, buat masa ini, pihaknya hanya memberi tumpuan kepada pelaksanaan teknologi itu terlebih dahulu dan hanya akan memikirkan mengenai caj perkhidmatan selepas itu.

"Kerajaan sudah merangka beberapa projek dan kini urusan pembelian peralatan sedang dilakukan. Teknologi ini dijangka mula beroperasi penghujung tahun ini atau awal tahun depan," katanya.

Menurutnya, kementerian itu akan memberi taklimat terakhir mengenai teleperubatan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jun depan.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata kerajaan akan memperkenalkan perkhidmatan teleperubatan itu terutama kepada penduduk luar bandar yang mengalami masalah kekurangan doktor pakar.

Sebagai permulaan, beliau berkata, teknologi itu akan diperkenalkan di Hospital Langkawi diikuti Hospital Labuan. Hospital Langkawi akan disambungkan dengan Hospital Alor Star manakala Hospital Labuan dengan Hospital Kuala Lumpur (HKL).

(END)